



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**28 OKTOBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 599 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 216,263 kes. Sebanyak 11 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Kota Kinabalu dan Beaufort, manakala masing-masing satu (1) kes di Beluran, Keningau, Kinabatangan, Kudat, Pitas, Sipitang dan Tawau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 487 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 205,602 orang. Manakala 1,874 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 725 orang di hospital, 1,128 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 20 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 74 orang merangkumi 71 di ICU/repurposed kritikal care serta tiga (3) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 23 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 100 (46.08%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning (satu) 1 daerah
- Zon Merah 26 daerah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian di Sabah meneruskan trend meningkat walaupun pada skala yang kecil. Hari ini kes positif meningkat sebanyak (+14) kes menjadikan kes terkumpul jangkitan baharu berjumlah (599) kes.
- b. Ranau menjadi penyumbang utama kepada faktor peningkatan kes hari ini dan menjadi satu-satunya daerah yang mencatatkan kes baharu tiga (3) angka, iaitu (104) kes. Selain itu, angka tersebut mewakili sekitar 1/6 daripada jumlah kes harian seluruh negeri Sabah hari ini.
- c. Walau bagaimanapun, 15 daerah lain mencatatkan penurunan kes dengan empat (4) daripadanya mencatatkan penurunan yang signifikan. Cuma 10 daerah mencatatkan peningkatan kes dengan dua (2) daripadanya menunjukkan pertambahan yang ketara.
- d. Kes-kes jangkitan yang berlaku secara sporadik atau lebih dikenali kes Saringan Bergejala kekal tinggi. Hari ini (218) kes daripada (599) kes atau 36.4% adalah jangkitan yang berpunca daripada Saringan Bergejala. Di Ranau, (32) kes daripada (104) kes di daerah tersebut adalah dalam kategori ini.
- e. Jumlah kes yang memerlukan rawatan di hospital kekal rendah walaupun jumlah kes meningkat. Sebanyak 94.83% daripada keseluruhan kes hari ini berada dalam Kategori 1 dan Kategori 2, empat (4) kes dalam Kategori 3, tiga (3) kes dalam Kategori 4 dan dua (2) kes dalam Kategori 5. Sejumlah (22) kes lagi masih dalam penilaian JKNS.
- f. Walaupun sekatan ke atas aktiviti-aktiviti sosial telah banyak dilonggarkan tetapi semua penduduk adalah diperingatkan agar terus mematuhi SOP yang berkuatkuasa. Elakkan daripada menganjur atau menghadiri majlis-majlis sambutan dan keramaian yang pasti mengundang risiko jangkitan yang tinggi.

- g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (323) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	218	36.39%
3	Kontak	323	53.92%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	58	9.68%
<b>JUMLAH</b>		<b>599</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (27 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 27/10/2021</b>	<b>Catatan Kes 28/10/2021</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Ranau	31	104	+73
2	Tawau	12	22	+10
3	Beaufort	48	57	+9
4	Pitas	17	25	+8
5	Tongod	0	7	+7
6	Kudat	14	19	+5
7	Sipitang	11	16	+5
8	Papar	25	27	+2
9	Nabawan	4	6	+2
10	Semporna	3	4	+1
11	Sandakan	14	14	Mendatar
12	Kunak	2	2	Mendatar
13	Keningau	30	11	-19
14	Putatan	19	4	-15
15	Kota Kinabalu	64	50	-14
16	Kinabatangan	31	18	-13
17	Telupid	13	5	-8
18	Penampang	26	19	-7
19	Tambunan	30	24	-6
20	Kota Belud	53	48	-5
21	Tenom	34	29	-5
22	Tuaran	27	23	-4
23	Beluran	15	11	-4
24	Kota Marudu	36	33	-3
25	Lahad Datu	20	17	-3
26	Kuala Penyu	3	2	-1
27	Kalabakan	3	2	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>585</b>	<b>599</b>	<b>+14</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (14 Oktober – 27 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Ranau	0	70	32	0	2	104	590
Beaufort	0	36	19	0	2	57	484
Kota Kinabalu	0	24	16	0	10	50	761
Kota Belud	0	28	14	0	6	48	734
Kota Marudu	0	14	18	0	1	33	472
Tenom	0	22	6	0	1	29	485
Papar	0	10	15	0	2	27	311
Pitas	0	11	12	0	2	25	227
Tambunan	0	22	2	0	0	24	256
Tuaran	0	10	9	0	4	23	408
Tawau	0	13	7	0	2	22	189
Penampang	0	9	8	0	2	19	329
Kudat	0	6	11	0	2	19	403
Kinabatangan	0	6	8	0	4	18	279
Lahad Datu	0	6	4	0	7	17	314
Sipitang	0	9	6	0	1	16	192
Sandakan	0	5	8	0	1	14	170
Keningau	0	3	7	0	1	11	472
Beluran	0	8	2	0	1	11	197
Tongod	0	0	6	0	1	7	61
Nabawan	0	5	1	0	0	6	83
Telupid	0	3	2	0	0	5	96
Putatan	0	1	2	0	1	4	208
Semporna	0	0	1	0	3	4	55
Kuala Penyu	0	1	1	0	0	2	61
Kalabakan	0	1	1	0	0	2	20
Kunak	0	0	0	0	2	2	53
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>323</b>	<b>218</b>	<b>0</b>	<b>58</b>	<b>599</b>	<b>7,910</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tiada catatan Kluster		

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,235 unit

- Hospital 1,886 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,879 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 30.06%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 28 OKTOBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	589
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	2
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	8
<b>Jumlah</b>	<b>599</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Pakistan	1
Singapura	1
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	582
Bukan Malaysia	17
<b>Jumlah</b>	<b>599</b>

iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	123
Belum Menerima Vaksin	92
Menerima 1 Dos	9
Lengkap 2 Dos	375
<b>Jumlah</b>	<b>599</b>

iv. Umur

<b>Umur (Tahun)</b>	
<1	4
1 to 5	48
6 to 11	71
12 to 17	30
18 to 25	83
26 to 59	297
>60	66
<b>Jumlah</b>	<b>599</b>

**C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH**

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 27 Oktober 2021)</b>
	Tiada PKPD	

**D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 27 Oktober 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 13,911 orang. Daripada jumlah ini, seramai 10,437 orang adalah penduduk dewasa dan 3,474 orang adalah penduduk remaja.



- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 27 Oktober 2021 adalah seramai 2,410,803 orang. Ini meliputi 2,083,700 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 75.54% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,303,845 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,036,528 orang atau 73.83% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 327,103 orang atau 75.37% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 267,317 atau 61.59% orang setakat ini.

## **E BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **659,327** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 12 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,166 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 58 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak satu (1) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Satu (1) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 148 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 22 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.

- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,001 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dan notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
  - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 604 premis perniagaan dan 833 individu di 18 kawasan. Lapan (8) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di HK Seafood Restaurant Sdn. Bhd., Menggatal (4 Orang), Chicken Pop, CKS Menggatal (2 Orang), Watson, CKS Menggatal (1 Orang) dan Restoran Togung, Pekan Menggatal (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 356 Premis Perniagaan melibatkan 178 anggota APM. Sebanyak tujuh (7) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 142 anggota di 170 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 13 premis, melibatkan sembilan (9) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 117 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lapan (8) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 307 hebahan di seluruh Sabah.

**G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 3**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 pada hari ini ialah **97.5%** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kunak	98%
2	Penampang	97.5%
3	Kota Marudu	97.5%
4	Beluran	97.5%
5	Sipitang	97.5%
6	Keningau	97.5%
7	Kota Belud	97.5%
8	Ranau	97.5%
9	Kudat	97.5%
10	Sandakan	97%
11	Tawau	97%
12	Tuaran	97%
13	Kota Kinabalu	97%
14	Beaufort	97%
15	Papar	97%
16	Tenom	97%
17	Kinabatangan	97%
18	Semporna	97%
19	Lahad Datu	97%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**